TELEGRAPHIC ADDRESS :
"CUSTOMS BRUNEI"
TEL. : 2382333
TELEX : BU 2777
FAX : 2382666

ايبو ڤجابت
جابتن كستم دان ايقسايس دراج
كمنترين كواڠن
نڬارا بروني دارالسلام

HEADQUARTERS
THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT
MINISTRY OF FINANCE
H.M. CUSTOMS HOUSE
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

COA/OFFICE/2

16 Rabiulawal 1441H
12 November 2019M

Yang Mulia,
Pengurus,
**Mega-Trans Sdn Bhd (FA).**
Unit A8, Lot 60921, EDR 52530, Simpang 281-7,
Kampong Lambak 'B', BB1114,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2340464 / 2340465
Email : **megatrans.acc11@gmail.com**

**KEBENARAN MEMPERBAHARUI MENJADI EJEN KASTAM [FORWARDING AGENT] DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**
**APPROVAL REFERENCE NUMBER: RAL-200811-000008**
**REGISTRATION NO : AGO/RC/4611**

Dengan hormat sukacita merujuk permohonan surat Awang/Dayang bertarikh **12 November 2019** mengenai dengan perkara yang tersebut diatas.

2. Sehubungan dengan itu, sukacita memaklumkan bahawa **kebenaran** adalah diberikan kepada Syarikat Awang/Dayang menjadi ejen kastam dan seterusnya didaftarkan ke dalam sistem Brunei Darussalam National Single Window[BDNSW] untuk membuat urusan deklarasi dan pelepasan barangan dari kawalan kastam bagi syarikat yang berdaftar dibawah kawalan syarikat Tuan/Puan **12 November 2019 sehingga 12 November 2021.**

3. Sehubungan dengan kebenaran ini, syarikat Awang/Dayang adalah dikehendaki untuk mematuhi kod etika seperti berikut:

i. Memahami, menyokong dan komited terhadap Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006 atau mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam.
ii. Membuat urusan deklarasi dan pelepasan barangan bagi pihak pengimport atau pengeksport di mana-mana pos kawalan Kastam dengan jujur dan amanah.
iii. User Id yang telah diberikan kepada Syarikat tidak boleh dipindah milik atau dikongsikan kepada orang lain.
iv. Sebarang pemberhentian atau pembatalan pekerja(jika berkenaan) hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kawalan Agen(COA) melalui apa jua kaedah yang dianggap munasabah.
v. Memastikan mana-mana Syarikat yang diwakili terlebih dahulu didaftarkan sebagai importer dan exporter dalam ruang business activity BDNSW dengan kaedah yang dibenarkan oleh Unit Kawalan Agen atau menggunakan borang Authorization Jabatan Kastam beserta dengan surat lantikan daripada Pengurus atau Pengarah Syarikat atau mana-mana agensi dengan menghadapkan surat kepada Unit Kawalan Agen.
vi. Hendaklah menyenaraikan nama-nama syarikat yang berwakil kepada mereka beserta surat lantikan(Authorization letter) atau melalui email COA dan sebarang perubahan (pembatalan/lantikan baru) hendaklah dimaklumkan kepada Unit COA dari masa ke semasa secara rasmi.
vii. Kerani atau pembantu (pengikrar) yang telah diberi kuasa kepadanya oleh Pengurus/Pengarah, boleh mengurus transaksi secara am dimana-mana pejabat Kastam sebagai wakil kepada pengimport/pengeksport.

./2

viii. Pendaftaran sebagai authorized agen akan sah selama satu tahun dari tarikh bermula kebenaran diberikan dan mestilah memperbaharui tidak lewat 2 bulan sebelum mansuh dari tarikh kebenaran dengan menghadapkan dokumen-dokumen yang diperlukan.

ix. Mana-mana pendaftaran yang tidak aktif dalam tempoh 6 bulan atau mansuh melebihi 3 bulan atau tidak disambung pendaftaran akan dibatalkan. Syarikat hendaklah menghadapkan permohonan baru jika berhajat untuk memperbaharui semula..

x. Seksyen 84 (4) Perintah Kastam 2006 dan Seksyen 90 (4) Perintah Eksais 2006 memperuntukan Pegawai Kanan Kastam boleh mengantung atau membatalkan mana-mana kebenaran yang telah diberikan kepada agen apabila didapati telah melakukan mana-mana pelanggaran atau pengabaian dalam perintah ini atau gagal untuk memenuhi mana-mana arahan yang diberikan oleh pegawai Kastam mengenai dalam urusan perniagaan oleh agen atau didapati sabit kesalahan oleh mahkamah dengan apa jua undang-undang bagi mana-mana kesalahan yang dapat dihukum dibawah Perintah Kastam 2006 atau Perintah Eksais 2006 atau mana-mana kesalahan yang melibatkan jenayah.

xi. Pembayaran cukai Kastam hendaklah dibuat atas talian (on-line payment) melalui portal www.bdnsw.gov.bn dan pastikan e mail Syarikat dapat menerima Bill of Demand bagi proses pembayaran.

xii. Disarankan agar deklarasi Kastam dibuat dengan segera sebelum ketibaan kapal ke Negara ini atau sebaik saja dokumen lengkap diperolehi. Mana-mana pelepasan barang yang **dibuat selepas 20 jam ketibaan kapal akan dikenakan mata De-Merit. Jika mata De-Merit terkumpul sehingga 40 mata maka kebenaran untuk menjadi ejen Kastam akan DIBATALKAN yang akan menyebabkan pihak Tuan/Puan tidak dapat melakukan aktiviti impot/ekspot.**

xiii. Hendaklah melaksanakan setiap urusan transaksi perniagaan dengan jujur, amanah dan menepati kod etika sebagai ejen punggahedar.

xiv. Ejen kastam, pengimpot dan pengekspot adalah dihendaki untuk menyimpan semua rekod perniagaan untuk tempoh tujuh (7) tahun sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006.

xv. Ejen kastam hendaklah memberikan kadar caj harga (Importer/Eksporter/transit) yang dikenakan kepada pelanggan mereka ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja [JKED] apabila dikehendaki. Segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan untuk kegunaan Jabatan ini sahaja.

xvi. Cargo manifest hendaklah dihadapkan ke JKED 24 Jam sebelum ketibaan kapal seperti yang terkandung dibawah Perintah Kastam 2006 Seksyen 50.

**xvii.** Keingkaran ejen-ejen Kastam dalam menerima arahan daripada Ketua Unit Kawalan ejen akan menyebabkan kebenaran ditarik balik seperti yang terkandung di bawah Perintah Kastam 2006 seksyen 84(4) telah memperuntukan ***"A senior officer of customs may suspend or cancel any permission granted under this section if the agents commits any breach of this Order or if he fails to comply with any direction given by an officer of customs with regard to the business transacted by the agent".***

**xviii.** Unit COA berhak meminta wang cagaran kepada ejen Kastam jika diperlukan seperti yang telah diperuntukan dalam Seksyen 84(3) ***"Before granting such permission, a senior officer of customs may require such agent to give such security as he may consider adequate for the faithful and incorrupt conduct of such agent and of his clerks acting for him both as regards the customs and his employers".***

Sekian disampaikan untuk makluman mengenainya.

*"Memeduli Warga Emas Kewajipan Semua"*
*" Integriti, Tegas dan Mesra"*

**[AFFANDI KHAILANI BIN ABDUL BASITH]**
b.p. Pengawal Kastam dan Eksais Diraja
Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Salinan kepada;
Fail RCED/COA/OFFICE/2